Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

NUTP syor peruntukan tambahan program latihan guru persediaan perubahan kurikulum

Oleh Ercy Gracella Ajos - Oktober 19, 2024 @ 11:05am
ercy.gracella@bh.com.my



Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia (NUTP) berharap Kementerian Pendidikan (KPM) memberikan peruntukan tambahan kepada program latihan guru sebagai persediaan terhadap perubahan kurikulum pendidikan pada 2027.

Setiausaha Agung NUTP, Fouzi Singon, berkata Belanjawan 2025 Malaysia Madani yang dibentangkan di Parlimen oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan semalam telus serta mengambil pandangan rakyat.

Namun, katanya, KPM diharap dapat memberikan peruntukan tambahan kepada program latihan guru bagi memastikan persediaan latihan terhadap perubahan kurikulum pendidikan serta kemajuan teknologi kecerdasan buatan (AI).

"Selain itu, NUTP turut berharap KPM dapat menyelaraskan semula peruntukan bagi keperluan aktiviti sukan dan ko-kurikulum.

"Rungutan daripada guru berkaitan peruntukan aktiviti sukan dan ko-kurikulum tidak ditingkatkan dalam bajet kali ini.

"NUTP amat berharap KPM dapat menyelaraskan semula peruntukan bagi keperluan aktiviti ini," katanya dalam kenyataan semalam.

Selain itu, Fouzi berkata, elaun bagi pendidikan Tingkatan Enam juga tidak kesampaian.

"Besar harapan NUTP agar Menteri Pendidikan dapat mempertimbangkan cadangan yang dibuat sebelum ini.

"Dalam jangka masa panjang, pihak NUTP juga berharap agar KPM merangka satu pelan strategik yang komprehensif bagi menangani isu sekolah padat dengan pembinaan sekolah baru atau bangunan tambahan.

"Bahagian Pembangunan Kementerian Pendidikan diharap dapat melihat keperluan penyelenggaran bilik guru dan penyaman udara di sekolah," katanya.

Dalam jangka masa panjang, pihak NUTP berharap KPM merangka satu pelan strategik yang komprehensif bagi menangani isu sekolah padat dengan pembinaan sekolah baru atau bangunan tambahan. Bahagian Pembangunan Kementerian Pendidikan diharap dapat melihat keperluan penyelenggaran bilik guru dan penyaman udara di sekolah.

Fouzi berkata pihaknya yakin peruntukan diberikan akan membawa banyak manfaat kepada pendidikan negara, terutama dari segi peningkatan infrastruktur sekolah dan kebajikan murid serta guru.

Bagaimanapun, katanya NUTP berharap semua inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan dan menyeluruh demi memastikan setiap murid mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti.

"NUTP akan terus menyokong sebarang usaha ke arah penambahbaikan sistem pendidikan negara dan berharap agar Belanjawan 2025 ini menjadi permulaan kepada transformasi pendidikan yang lebih gemilang," katanya.

KPM menerusi Belanjawan 2025 yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam, menerima peruntukan sebanyak RM64.1 bilion tahun depan iaitu tertinggi dalam sejarah.

Anwar berkata, keutamaan kerajaan kini adalah untuk memastikan ruangan pembelajaran yang selesa, selamat dan bermakna untuk pelajar menimba ilmu.